

Jenis Akhbar : Berita Harian Online
Tarikh : 30/06/2019
Edisi / Muka surat : www.bharian.com.my
Tajuk : **Jangan hanya salahkan ANGKASA isu gerakan koperasi 'tidur'**

BERITA» Nasional
Ahad, 30 Jun 2019 | 12:08am



Mohd Redzuan (tengah) sambil ditemani Abdul Fattah (bersongkok lilitan putih) dan bersama perwakilan dari seluruh negara selepas perasmian Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA ke-34 di PWTC. - NSTP/Nik Hariff Hassan

Jangan hanya salahkan ANGKASA isu gerakan koperasi 'tidur'

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) sedia bersaing jika kerajaan serius mahu menubuhkan ANGKASA 2 pada masa hadapan.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, mencabar Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, supaya merealisasikan menubuhkan sebuah lagi badan Apeks (tunggal) bagi koperasi seperti ANGKASA tidak lama lagi.

Bagaimanapun, beliau berkata pihaknya sedia mengadakan perbincangan sekiranya kerajaan benar-benar serius mahu menubuhkan ANGKASA 2 kerana ia membabitkan pelbagai isu.

“Kita juga mahu Menteri letakkan kejayaan penubuhan ANGKASA 2 berkenaan sebagai sebahagian daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kementerian dan dirinya sendiri.

“Kalau Menteri kata ANGKASA ‘tidur’ beliau silap dan tidak boleh hanya menyalahkan ANGKASA kerana kami hanya sebahagian daripada badan yang memajukan gerakan koperasi di Malaysia... tanggungjawab membangunkan koperasi bukan hanya terletak kepada ANGKASA sahaja.

“Sebaliknya, ia bertanggungjawab bersama pelbagai pihak termasuk Kementerian Pembangunan Usahawan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), jabatan dan agensi berkaitan sekali.

“Kalau benar Menteri kata koperasi tidur maka bermakna kerajaan tidur dan kami tidak bersetuju dengan pandangan itu,” katanya ketika ditemui pemberita pada sidang media selepas Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA ke-34 di sini, petang tadi.

Abdul Fattah diumumkan kekal selaku penyandang kerusi Presiden ANGKASA bagi tempoh 2019-2022 selepas memperoleh 2,924 undi berbanding lawannya Dr Mustapa Kamal Maulut yang hanya mendapat 1,071 undi manakala 64 undi rosak.

Bagi perebutan jawatan Naib Presiden ANGKASA, pula dimenangi oleh Prof Madya Datuk Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, yang memperoleh 1,728 undi, sekali gus menewaskan lima pencabar lain termasuk penyandang sebelum ini Mohamad Azmi Omaruddin (1,145 undi), Dr Arriffin Mansor (417 undi), Datuk Azih Muda (404 undi), Datin Norsiah Mahadi (136 undi) dan Idrus Mat Tais (31 undi), manakala undi rosak 190 undi.

Terdahulu, dalam ucapan perasmianya Mohd Redzuan mengesahkan kementeriannya sedang mengkaji untuk menamatkan monopoli ANGKASA sejak 48 tahun lalu, ANGKASA adalah badan Apeks (tunggal) bagi koperasi, tetapi kementerian tidak mahu ia terus memonopoli urus tadbir seluruh koperasi.

Susulan itu, Mohd Redzuan berkata, pihaknya sedang mengkaji dengan SKM untuk mewujudkan ANGKASA 2, iaitu badan utama kedua yang terbabit dalam hal ehwal berkaitan koperasi di negara ini, sekali gus dapat meningkatkan pendapatan kepada negara.

Mohd Redzuan mendakwa antara punca utama beliau berbuat demikian kerana beliau tidak nampak kesungguhan ANGKASA untuk merealisasikan sasaran kerajaan untuk menjana pendapatan gerakan koperasi sehingga mencecah RM50 bilion menjelang Disember 2020 berikutan rekod terkini hanya RM40.31 bilion.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah mengakui mengakui gerakan koperasi di Malaysia kurang berdaya saing kerana pelbagai faktor termasuk ekosistem perniagaan dan kekangan undang-undang.

“Ini kerana fasa pertama penubuhan ANGKASA hanya menumpukan kepada soal pembangunan dan hanya mengadakan kursus kepada ahli sahaja. Hanya selepas tahun 2017 baharu kami dibenarkan menceburi bidang perniagaan.

“Bagaimanapun, perniagaan yang boleh diceburi ANGKASA mestilah sektor yang tidak bersaing dengan koperasi dan berisiko tinggi seperti ‘solar farm’(ladang solar). Ladang solar adalah perniagaan berisiko tinggi dan memerlukan modal besar serta mengambil masa lama untuk menjana keuntungan, bukannya melabur hari ini dalam masa terdekat terus untung.

“Malah, kalau mengikut Deklarasi Putrajaya 2017 pembangunan koperasi adalah di bawah tanggungjawab SKM yang melakukan kerja-kerja yang tidak menjana keuntungan seperti menganjurkan seminar yang tidak merangsang perniagaan, manakala ANGKASA bertanggungjawab terhadap seminar atau kursus menjana pertumbuhan perniagaan.

“Gerakan koperasi menjadi ‘sleeping giant’ atau tidak bergerak adalah kerana ekosistem perniagaan dan undang-undang atau peraturan tidak mesra koperasi.

“Contohnya, ada peraturan menghalang koperasi terbabit dalam perniagaan tertentu secara terus, koperasi hanya boleh bergiat aktif sekiranya kita menubuhkan anak syarikat dan

berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sedang dunia mengiktiraf koperasi sebagai salah satu entiti perniagaan selain syarikat.

"Begitu juga dengan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 serta Akta Industri Pelancongan yang tidak mengiktiraf koperasi sebagai salah satu entiti perniagaan yang sah.

"Koperasi juga tidak layak menerima insentif seperti dinikmati oleh syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kerana tidak berdaftar dengan SSM dan takrifannya tidak termasuk koperasi," katanya.